

# Jasa Dr. Mahathir diabadikan dalam CD prabayar TMNet

UM - 13/10/2004: 8 Perdana

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terus dikenang melalui pelbagai cara dan yang terbaru dengan mengabadikannya di dalam cakera padat (CD) prabayar TMNet.

Pelancaran CD mengakses Internet itu adalah sebagai mengenang jasa Dr. Mahathir yang merupakan bekas pemimpin negara yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara.

Selain daripada membolehkan pembeli mendapat akses Internet, CD bertajuk *'Malaysia's One of A Kind: Tun Mahathir Mohamad'* itu membolehkan rakyat menyimpannya sebagai koleksi berharga.

Pengerusi TMNet Sdn. Bhd. dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telekom Malaysia, Datuk Abdul Wahid Omar berkata, jasa Dr. Mahathir kepada pembangunan negara terutama dalam bidang ICT mendorong TM Net memperkenalkan CD ini.

CD tersebut mengandungi lagu yang dicipta khas bertajuk *'Peninggalanmu'* dalam bentuk muzik video.

"Selain itu CD eksklusif itu juga memaparkan pelbagai bahan yang tidak pernah disiarkan dalam mana-mana media seperti galeri gambar, pencapaian Dr. Mahathir dalam negara serta apa yang rakyat fikirkan mengenai ideanya.

"Pengguna juga boleh memuat turun gambar Tun Mahathir sebagai screen saver yang boleh didapati dalam CD berkenaan," katanya semasa pelancaran TMNet Prepaid One, di sini, hari ini.

Abdul Wahid menambah, Dr. Mahathir merupakan pemimpin yang sentiasa berusaha meningkatkan bidang ICT negara termasuk memberi perhatian besar terhadap isu Internet dan akses jalur lebar.

Sementara Pengerusi Telekom Malaysia Berhad, Tan Sri Ir. Muhamad Radzi Mansor pula berkata, ketika menerajui negara sejak 1981 hingga 2003, Dr. Mahathir telah banyak berjasa sehingga Malaysia menjadi negara yang pesat membangun dan disegani.

"Visinya telah menjadikan beliau sebagai 'Bapa Permodenan'," katanya.

Muhamad Radzi berkata, Dr. Mahathir merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam pembangunan ICT negara melalui projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pelaksanaan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Cakera padat permulaan bagi TMNet ini dilengkapi dengan kandungan multimedia yang menarik seperti satu akaun Internet TMNet One, 30 minit masa bonus, RM50 nilai kredit, perkhidmatan dail-up TMNet 1515 dan jalur lebar tanpa wayar melalui perkhidmatan TMNet hotspot.